



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA
Bahagian Kawalan Penyakit
Aras 3, 4 dan 6, Blok E10, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8883 4527
Faks : 03-8888 6270
Laman Web: www.moh.gov.my


Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM. 100-2/2/3 JLD.2 (54)
Tarikh : 15 Disember 2017

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

YBhg. Datuk,


DATU' DR. CHONG CHEE KHEONG
(NO. MAM 26477)
PENGARAH KAWALAN PENYAKIT
BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 49/2017 (3 hingga 9 Disember 2017) untuk persetujuan YBhg. Datuk.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATU' DR. CHONG CHEE KHEONG)
Pengaroh Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia





KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 49/2017 dari 3 hingga 9 Disember 2017)

Menerusi Pasukan Petugas Khas Denggi yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi, aktiviti pencegahan dan kawalan Denggi secara bersepadu telah menghasilkan impak yang positif. Jumlah keseluruhan kes Demam Denggi yang direkodkan sehingga 9 Disember 2017 adalah 80,805 kes berbanding 97,041 kes bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 16,236 kes (16.7%). Kes kematian Denggi turut menunjukkan tren pengurangan di mana 169 kematian dilaporkan berbanding 229 kematian pada tahun 2016 bagi tempoh yang sama, iaitu penurunan sebanyak 60 kematian (26.2%).

Pada Minggu ke-49 iaitu dari 3 hingga 9 Disember 2017, sebanyak 950 kes Demam Denggi dengan satu (1) kematian telah dilaporkan. Sejak empat (4) minggu lepas, jumlah kes mingguan yang dilaporkan terus menurun sehingga kurang daripada 1,000 kes seminggu. Masih terdapat 279 lokaliti wabak Denggi dan 17 lokaliti daripadanya adalah hotspot atau wabak yang melebihi satu (1) bulan.

Untuk tempoh masa yang sama, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menerima sebanyak satu (1) kes Chikungunya dari Kota Bharu, Kelantan. Jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula dari 1 Januari hingga 9 Disember 2017 adalah sebanyak 269 kes iaitu 190 kes dari Kedah, 33 kes dari

Selangor, 24 kes dari Johor, 18 kes dari Kelantan dan masing-masing dua (2) kes dari Perak dan Sarawak.

Pemantauan sistem surveilan virus Zika sehingga Minggu ke-49 pula oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) ke atas 2,092 sampel darah dan 33 sample air kencing di kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah semuanya didapati negatif.

Langkah-langkah pencegahan yang perlu diambil oleh setiap masyarakat bagi mengatasi wabak denggi adalah seperti berikut;

- a. Pastikan kediaman masing-masing bebas dari tempat pembiakan Aedes. Luangkan hanya 10 minit seminggu, cari dan musnahkan tempat-tempat pembiakan Aedes.
- b. Bekerjasama dengan kejuruan masing-masing dan agensi-agensi kerajaan dalam menjalankan aktiviti pembersihan di kejuruan secara berkala bagi memastikan persekitaran sentiasa bersih dan bebas dari tempat pembiakan nyamuk aedes.
- c. Melindungi diri dari digigit nyamuk Aedes seperti memakai seluar dan baju cerah berlengan panjang, menggunakan repelen, menggunakan jaring penghalang nyamuk di ruang rumah yang terbuka serta menggunakan aerosol bagi membunuh nyamuk dewasa.
- d. Bagi bekas yang menakung air dan tidak mudah ditukar airnya seminggu sekali, perlu di bubuh bahan pembunuh jentik-jentik atau temephos (Abate).

Tiada Aedes, Tiada Denggi Chikungunya dan Zika.


DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
15 Disember 2017

DATUK DR SHAHNAZ MURAD
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Lampiran A

KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 49/2017 (3 hingga 9 Disember 2017)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 49/2017		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 49/2016	
		Minggu 49 (3 – 9 Dis 2017)		Minggu 48 (26 Nov – 2 Dis 2017)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	0	0	2	0	174	0	179	3
2	Kedah	14	0	18	0	1,386	5	942	4
3	P. Pinang	57	0	37	0	2,498	13	2,458	12
4	Perak	44	1	46	0	5,265	12	3,549	10
5	Selangor	466	0	418	2	43,737	63	49,503	76
6	WP KL & Putrajaya	81	0	70	0	8,089	19	8,325	21
7	N. Sembilan	20	0	20	0	2,988	11	2,693	24
8	Melaka	18	0	21	0	1,385	1	2,167	7
9	Johor	116	0	110	0	7,551	24	10,332	22
10	Pahang	16	0	14	0	1,631	6	2,889	10
11	Terengganu	3	0	3	0	281	1	1,986	20
12	Kelantan	18	0	14	0	2,473	2	5,869	11
13	Sarawak	4	0	8	0	920	4	2,639	7
14	Sabah	91	0	48	2	2,338	8	3,497	2
15	WP Labuan	2	0	3	0	89	0	13	0
	MALAYSIA	950	1	832	4	80,805	169	97,041	229

* Sumber : BilikGerakanDenggiKebangsaan

Lampiran B

LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 49/2017 (3 hingga 9 Disember 2017)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	P PINANG	Timur Laut	Apartment Sri Nibong	18	48
2	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana (South City Condo)	8	46
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen 6 (Teres A : Jln 6/1a - 6/2f & 6/9a - 6/10a)	10	45
4	SELANGOR	Hulu Selangor	Kg Seri Serendah	21	43
5	SELANGOR	Gombak	Kg Selayang Indah Zon B	9	41
6	SELANGOR	Gombak	Tmn Usaha Jaya	7	40
7	SELANGOR	Petaling	Kt Seksyen 20 Teres A	4	38
8	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 7 : Teres	12	38
9	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 8 Apt Kelana Impian	8	38
10	SELANGOR	Hulu Langat	Vista Perdana Condo Pandan Perdana	5	37
11	SELANGOR	Kuala Langat	Jalan Sp4, Bsp	6	37
12	SELANGOR	Kuala Langat	Jalan Bb2, Taman Banting Baru	12	35
13	JOHOR	Johor Bharu	Forest City_Tyoc Plot 4	13	34
14	SELANGOR	Hulu Langat	De Casa Condo Bandar Baru Ampang	9	33

15	WPKL	Cheras	Bayu Tasik Condo 2	9	32
16	WPKL	Titivangsa	Setapak Ria Condo	9	32
17	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana Sp 5 (Sky Villa, Kesidang & Rumah Kedai)	13	32